

POLISI  
HAUS<sup>®</sup>GUARDIANS



# **POLISI SISTEM EJEN JUALAN**

## POLISI SISTEM EJEN JUALAN

### SALES AGENT SYSTEM POLICY

Bagi tujuan polisi ini, istilah-istilah berikut melainkan sebagaimana dinyatakan sebaliknya di dalam polisi ini, penggunaan sesuatu perkataan atau ungkapan itu dari segi konteksnya hendaklah mempunyai maksud seperti yang berikut:

- ◆ “HAUS Cosmetics” adalah entiti perniagaan dan jenama yang mewakili syarikat Juman Worldwide Resources Sdn. Bhd. serta sub jenama dan jenama-jenama yang bersekutu dengannya.
- ◆ “HQ” bermaksud ibu pejabat bagi menjalankan operasi utama “Haus Cosmetics”.
- ◆ “Ejen Jualan” bermaksud ejen yang berdaftar secara sah bagi menjalankan aktiviti pemasaran serta penjualan produk-produk “Haus Cosmetics”.
- ◆ “Master Guardian” bermaksud ejen jualan yang dilantik oleh HQ dengan terma dan syarat yang termaktub di dalam Penyata Tanggungjawab Master Guardian.
- ◆ “Premium Guardian” bermaksud ejen jualan yang dilantik oleh HQ dengan terma dan syarat yang termaktub di dalam Penyata Tanggungjawab Premium Guardian.
- ◆ “Apprentice Guardian” bermaksud ejen jualan yang dilantik oleh HQ dengan terma dan syarat yang termaktub di dalam Penyata Tanggungjawab Apprentice Guardian.

## **POLISI SISTEM EJEN JUALAN**

### ◆ **SKOP**

Polisi ini terpakai kepada HAUS Cosmetics (selepas ini disebut sebagai “HQ”) dan semua ejen jualan yang berdaftar secara sah bagi produk jenama “HAUS Cosmetics” dan lain-lain sub jenama yang bersekutu dengannya.

### ◆ **TUJUAN**

Polisi ini menyediakan informasi tentang bagaimana penekanan oleh pihak HQ terhadap proses permohonan dan kelulusan di dalam pengambilan atau pelantikan serta pengurusan pembangunan ejen jualan.

Polisi ini juga menjadi panduan kepada HQ mempraktikkan ketegasan dalam memantau dan menggantung atau memecat ejen jualan yang tidak berkelakuan baik atau berprestasi buruk bagi memastikan semua ejen jualan bersikap positif dan profesional

## PRINSIP-PRINSIP POLISI

- ◆ Semua ejen jualan yang dilantik secara sah adalah merupakan wakil jualan kepada HQ tidak kira walau apa sahaja nama, gelaran, pangkat atau panggilan (contoh: Master Guardian / Premium Guardian / Apprentice Guardian) yang ditetapkan oleh pihak HQ.
- ◆ Ejen jualan perlu bersetuju dengan segala polisi yang ditetapkan oleh pihak HQ secara perjanjian bertulis untuk pengiktirafan sebagai ejen berdaftar yang sah.
- ◆ Pihak HQ berhak untuk mendapatkan maklumat lengkap tentang latar belakang semua ejen jualan melalui kaedah pengisian borang maklumat diri secara manual atau digital.
- ◆ Semua ejen jualan dikehendaki berkelakuan jujur dan baik serta tidak terlibat dalam perlakuan mengelirukan dan menipu bagi membuat jualan kepada pelanggan atau pelantikan ejen jualan baru serta lain-lain tujuan bagi meraih keuntungan sehingga menyebabkan kerugian atau kerosakan kepada pihak lain.
- ◆ Semua ejen jualan perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman terhadap produk-produk atau servis-servis yang ditawarkan oleh HQ.
- ◆ Polisi ini akan diperbaharui dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian yang dirasakan perlu oleh pihak HQ tanpa perlu mendapat persetujuan ejen jualan.

## PERMOHONAN DAN KELULUSAN PENDAFTARAN EJEN JUALAN

- ◆ Secara umumnya, pelantikan ejen jualan adalah bersumber daripada pembangunan pasaran yang dijalankan oleh pihak pengurusan HQ.
- ◆ Ejen jualan juga boleh bersumber daripada pelantikan oleh ejen-ejen jualan sedia ada yang telah berdaftar secara sah dengan pihak HQ serta diberi autoriti untuk membuat pra-pendaftaran ejen jualan baru.
- ◆ Seseorang calon ejen jualan boleh membuat permohonan untuk menjadi ejen jualan berdaftar dengan menghubungi pihak HQ menerusi panggilan telefon, email atau berkunjung ke lokasi HQ beroperasi.
- ◆ Bahagian Pembangunan Perniagaan di HQ adalah pusat rujukan utama kepada calon ejen jualan yang berminat untuk membuat permohonan pendaftaran.
- ◆ Setiap calon ejen jualan yang ingin mendaftarkan permohonan untuk menjadi wakil jualan kepada HQ diwajibkan untuk membuat pembelian permulaan mengikut pakej minimum yang telah ditetapkan.
- ◆ Syarat-syarat pembelian permulaan boleh dirujuk kepada jadual harga pakej pendaftaran ejen yang diiklankan atau dikeluarkan oleh pihak HQ dari semasa ke semasa.
- ◆ Pembelian permulaan boleh dibuat sama ada secara langsung daripada pihak HQ atau melalui ejen jualan berdaftar yang sah dan berautoriti

- ◆ Calon ejen jualan yang telah membuat pembelian permulaan dibenarkan untuk terus menjalankan aktiviti pemasaran dan jualan sementara menunggu proses pendaftarannya diluluskan secara rasmi oleh pihak HQ.
- ◆ Sebelum permohonan untuk menjadi ejen jualan diluluskan, semakan tentang latar belakang calon akan dibuat berdasarkan maklumat peribadi ataupun syarikat yang perlu diserahkan semasa pendaftaran.
- ◆ Pendaftaran maklumat latar belakang peribadi dan syarikat calon ejen jualan melalui ejen jualan berdaftar adalah dianggap sebagai pra-pendaftaran dan wajib diserahkan kepada HQ untuk diproses.
- ◆ Setiap calon ejen jualan diwajibkan untuk menyertai satu “Certified Programme” khas yang dianjurkan oleh HQ.
- ◆ Permohonan ejen jualan sama ada yang sedang diproses atau telah diluluskan secara rasmi akan digugurkan atau terbatal sekiranya pemohon didapati melanggar polisi syarikat, terlibat dengan aktiviti atau perkara yang tidak bermoral atau boleh menjejaskan nama baik HQ serta menyalahi etika, peraturan atau perundangan negara.
- ◆ Setelah dipastikan memenuhi syarat dan diluluskan untuk pelantikan sebagai ejen jualan, seterusnya ejen jualan perlu menandatangani perjanjian bertulis bagi mematuhi segala polisi, terma dan syarat, peraturan serta panduan yang ditetapkan oleh pihak HQ.
- ◆ Selepas perjanjian termeterai, ejen jualan adalah secara automatik disahkan telah berdaftar serta berautoriti untuk menjalankan segala tanggungjawab sebagai ejen jualan mewakili pihak HQ.
- ◆ Jika permohonan ejen jualan sama ada diluluskan atau tidak diluluskan setelah semakan latar belakang dilakukan, ejen jualan akan dimaklumkan sama ada secara bertulis, melalui aplikasi digital, emel, SMS atau melalui panggilan telefon.

## **PENARIKAN DIRI SEBAGAI EJEN JUALAN BERDAFTAR**

- ◆ Sekiranya ejen jualan mahu menarik diri atau berhenti daripada mewakili HQ, maka perlulah memaklumkan kepada HQ secara terus atau melalui ejen jualan yang berautoriti.
- ◆ Mana-mana ejen jualan yang telah menarik diri tidak dibenarkan sama sekali mewakili HQ atau mana-mana ejen jualan lain walau dengan apa cara sekalipun atau untuk apa sahaja tujuan yang berkaitan dengan semua aktiviti yang terlibat di bawah jenama Haus Cosmetics.
- ◆ Ejen jualan juga tidak dibenarkan merujuk kepada ejen jualan yang telah menarik diri untuk apa sahaja tujuan yang berkaitan atau melibatkan HQ.
- ◆ Pihak HQ tidak lagi bertanggungjawab ke atas segala perkara yang berbangkit atau segala yang berhubungkait dengan ejen jualan yang telah menarik diri.
- ◆ Selagi tiada rekod negatif atau pelanggaran polisi yang pernah melibatkan ejen jualan yang telah menarik diri, maka ejen jualan tersebut boleh diterima secara proses normal untuk kembali menyertai semula sebagai ejen jualan baru sekiranya ada sebarang permohonan yang berkaitan.



## “UPGRADE” DAN “DOWNGRADE” RANKING / PANGKAT

- ◆ Setiap ejen jualan berdaftar atau yang baru ingin mendaftar sebagai ejen jualan HAUS Cosmetics perlu mengetahui dan memahami tentang kewujudan peluang untuk 'upgrade' dan juga risiko untuk 'down-grade' dalam sistem 'ranking' yang dikuatkuasakan oleh HQ.
- ◆ Peluang untuk 'upgrade' dan juga risiko untuk 'downgrade' ini bergantung kepada sasaran pembelian minimum bulanan dan Key Performance Indicator (KPI) yang ditetapkan oleh HQ dari semasa ke semasa.
- ◆ Bagi ejen jualan berdaftar yang telah berjaya mencapai sasaran pembelian minimum bulanan, ganjaran dalam nilai tertentu sama ada dalam bentuk wang tunai, barang kemas, pakej percutian atau sebagainya akan diberikan oleh pihak HQ melalui keputusan mesyuarat dalaman syarikat.
- ◆ Sekiranya ejen jualan berdaftar gagal untuk mencapai sasaran pembelian minimum bulanan dan KPI yang ditetapkan oleh pihak HQ kepada setiap 'ranking' dalam sistem ejen jualan, maka penalti akan dikenakan melalui pengurangan peratus(%) potongan harga secara berperingkat yang dinikmati dalam setiap pembelian produk mengikut tempoh masa tertentu dan/atau lain-lain tindakan yang dirasakan sesuai oleh pihak HQ dari semasa ke semasa.

- ◆ Bagi ejen jualan yang telah berdaftar di ranking Apprentice Guardian, permohonan untuk naik ke ranking Premium Guardian perlu melalui fasa 60 hari selepas berdaftar sebagai Apprentice Guardian. Selepas melalui tempoh tersebut, barulah Apprentice Guardian akan dikira layak untuk membuat pembelian permulaan bagi pendaftaran sebagai Premium Guardian melalui Master Guardian pasukan yang sama. Sebagai syarat tambahan, calon Premium Guardian baru juga diwajibkan untuk mempunyai perancangan bagi mencapai sasaran jualan minimum bulanan yang ditetapkan oleh HQ dan terlebih dahulu dikehendaki mencapai sasaran pembelian minimum bulanan selama dua (2) bulan berturut-turut sebagai Apprentice Guardian.
- ◆ Bagi ejen jualan yang telah berdaftar di ranking Premium Guardian, permohonan untuk naik ke ranking Master Guardian perlu melalui fasa 120 hari selepas berdaftar sebagai Premium Guardian. Selepas melalui tempoh tersebut, barulah Premium Guardian akan dikira layak untuk membuat pembelian permulaan bagi pendaftaran sebagai Master Guardian melalui HQ. Sebagai syarat tambahan, calon Master Guardian baru juga diwajibkan untuk mempunyai perancangan bagi mencapai sasaran jualan minimum bulanan yang ditetapkan oleh HQ dan terlebih dahulu dikehendaki mencapai sasaran pembelian minimum bulanan selama tiga (3) bulan berturut-turut sebagai Premium Guardian.

## KOMISEN REKRUT EJEN JUALAN BARU

### **AG Rekrut AG**

- ◆ Jika AG berdaftar berjaya rekrut AG baru, ini dinamakan sebagai AG Introducer.
- ◆ Pembelian pertama AG baru perlulah dibuat daripada PG/MG team yang sama kepada AG Introducer.
- ◆ PG/MG tersebut perlu membayar komisen kepada AG Introducer sebanyak 10% daripada nilai pembelian AG baru.

### **AG/PG Rekrut PG**

- ◆ Jika AG/PG berdaftar berjaya rekrut PG baru, ini dinamakan sebagai Premium Guardian Introducer.
- ◆ Pembelian pertama PG baru perlulah dibuat daripada MG team yang sama kepada Premium Guardian Introducer.
- ◆ MG tersebut perlu membayar komisen kepada PG Introducer sebanyak 5% daripada nilai pembelian PG baru.

### **AG/PG/MG Rekrut MG**

- ◆ Jika AG/PG/MG berdaftar berjaya rekrut MG yang baru, ini dinamakan sebagai MG Introducer.
- ◆ Pembelian pertama MG baru perlulah dibuat daripada HQ.
- ◆ HQ akan membayar komisen kepada MG Introducer sebanyak 5% daripada nilai pembelian MG baru.

## PENGURUSAN LATIHAN DAN INFORMASI EJEN JUALAN

- ◆ Latihan dan informasi yang berkaitan Sistem Ejen Jualan Haus Cosmetics akan disediakan dengan bahan dan sumber yang mencukupi oleh pihak HQ untuk memastikan maklumat yang tepat dan terkini diberikan kepada semua ejen jualan serta akan dipastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, piawaian dan kod yang berkaitan.
- ◆ Penyata Tanggungjawab Ejen Jualan yang standard (Lampiran A kepada polisi ini) juga mesti diberikan kepada semua ejen jualan bagi memastikan pemahaman yang sesuai dan pengetahuan tentang kewajipan mereka.
- ◆ Semua ejen jualan baru juga akan diberi latihan yang sesuai di peringkat permulaan tentang kursus dan kemudahan yang disediakan oleh pihak HQ serta penjelasan kewajipan dan tanggungjawab ejen jualan. Latihan ini akan diberikan melalui “Certified Programme” khas yang sama dinyatakan dalam mukasurat 7.
- ◆ Kemudahan latihan yang berterusan juga akan disediakan sebagai inisiatif daripada pihak HQ untuk membantu perkembangan ilmu dan kemahiran ejen jualan mengikut keperluan dan kehendak semasa pasaran.
- ◆ Pihak HQ akan memastikan bahawa ejen jualan disediakan dengan bahan promosi terkini dan tepat serta dimaklumkan mengenai sebarang perubahan kepada kursus atau sebarang keperluan perundangan atau pengawalseliaan (jika berkenaan) melalui pelbagai cara komunikasi termasuk email pengemaskinian dan surat berita, webinar latihan, mesyuarat ejen jualan dan lawatan ejen jualan.

## PENGURUSAN IMEJ KORPORAT

- ◆ Segala hasil reka cipta, dokumen dan apa-apa yang berkaitan dengan imej korporat yang dihasilkan oleh HQ adalah harta intelek yang dimiliki sepenuhnya oleh HQ.
- ◆ Sebarang pelanggaran hak cipta atau penyalahgunaan terhadap mana-mana elemen dalam imej korporat HQ adalah dilarang sama sekali.
- ◆ Semua pengiklanan dan penggunaan logo korporat yang berkaitan HQ mestilah mendapat kelulusan pihak HQ sebelum diterbitkan.
- ◆ Semua hasil reka cipta grafik bagi tujuan pemasaran dan jualan adalah perlu merujuk kepada 'brandboard' rasmi yang dikeluarkan dan diluluskan oleh HQ.
- ◆ Semua ejen perlu sentiasa mengikuti perkembangan dan perubahan yang berlaku melibatkan imej korporat HQ.
- ◆ Pengurusan imej korporat perlu dipraktikkan selari dengan "Vision, Mission dan Shared Values" yang diterapkan oleh HQ.



LAMPIRAN A

# TANGGUNGJAWAB EJEN JUALAN

## TANGGUNGJAWAB UMUM EJEN JUALAN

- ◆ Membaca, memahami, mengamalkan dan mematuhi semua perkara yang termaktub di dalam “Polisi Sistem Ejen Jualan”.
- ◆ Menerangkan pelan pemasaran HQ dengan tepat dan jujur serta sentiasa menjalankan tanggungjawab dengan sikap toleransi dan amanah bertepatan dengan usaha yang diperlukan untuk mencapai kejayaan.
- ◆ Tidak mengeluarkan kenyataan mengelirukan, berunsur fitnah, negatif atau memburukkan serta menjatuhkan kredibiliti HQ, produk, pengurusan, kakitangan atau ejen jualan yang lain bagi kepentingan peribadi atau kumpulan tertentu.
- ◆ Menghormati sepenuhnya perniagaan HAUS Cosmetics dan segala ekosistem yang berkaitan dengannya.
- ◆ Mematuhi segala preskripsi harga yang telah ditetapkan oleh HQ.
- ◆ Tidak menggunakan sebarang sumber, jenama, bahan cetakan, informasi, penulisan, rakaman video atau gambar dan bahan pengiklanan dari HQ bagi kepentingan perniagaan lain.
- ◆ Sentiasa memberikan penerangan tentang produk secara betul dan tepat serta bertanggungjawab terhadap segala proses atau urusan jual beli dengan pelanggan.
- ◆ Sentiasa berusaha yang terbaik bagi memuaskan hati pelanggan dan juga ejen-ejen jualan di bawah seliaan masing-masing.
- ◆ Sentiasa memberikan komitmen terbaik bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh HQ.

# AG

## PENYATA TANGGUNGJAWAB APPRENTICE GUARDIAN

- ◆ Menjadi penghubung antara Premium Guardian dan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing untuk menyampaikan dan memberi kefahaman serta memastikan segala polisi, aspirasi dan hala tuju yang ditetapkan oleh HQ bagi pembangunan Sistem Ejen Jualan mencapai sasaran secara berkesan dan sistematik dengan berpegang kepada “Vision, Mission & Shared Values” rasmi syarikat.
- ◆ Wajib menyertai sesi “Performance Dialogue” yang dianjurkan oleh PG/MG sekali setiap bulan dan memberikan laporan lengkap prestasi pasukan masing-masing sama ada melalui medium penyampaian secara online atau offline.
- ◆ Memantau serta menyokong kerja-kerja rekrut dan pembangunan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh HQ.
- ◆ Mengadakan perjumpaan dengan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing yang aktif sekurang-kurangnya dua(2) kali setiap bulan melalui medium perhubungan secara online atau offline bagi memantau dan mendapatkan laporan prestasi semasa.
- ◆ Menyediakan laporan komprehensif setiap suku tahun dan selepas setiap lawatan atau perjumpaan bersama seluruh ejen jualan pasukan masing-masing yang aktif untuk diserahkan kepada PG/MG.



# PG

## PENYATA TANGGUNGJAWAB PREMIUM GUARDIAN

- ◆ Menjadi penghubung antara MG dan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing untuk menyampaikan dan memberi kefahaman serta memastikan segala polisi, aspirasi dan hala tuju yang ditetapkan oleh HQ bagi pembangunan Sistem Ejen Jualan mencapai sasaran secara berkesan dan sistematik dengan berpegang kepada “Vision, Mission & Shared Values” rasmi syarikat.
- ◆ Wajib menghadiri sesi “Performance Dialogue” yang dianjurkan oleh MG sekali setiap bulan dan memberikan laporan lengkap prestasi seluruh ejen jualan pasukan masing-masing dan laporan-laporan lain yang diminta oleh MG.
- ◆ Memantau serta menyokong kerja-kerja rekrut dan pembangunan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh HQ.
- ◆ Mengadakan perjumpaan dengan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing yang aktif sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap bulan melalui medium perhubungan secara online atau offline bagi memantau dan mendapatkan laporan prestasi semasa.
- ◆ Menjalankan latihan keusahawanan sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap bulan untuk seluruh ejen jualan pasukan masing-masing samada melalui seminar, training atau coaching dengan menggunakan medium penyampaian secara online atau offline di bawah penyeliaan Master Guardian.
- ◆ Menyediakan laporan komprehensif setiap suku tahun dan selepas setiap lawatan atau perjumpaan bersama seluruh ejen jualan pasukan masing-masing yang aktif untuk diserahkan kepada Master Guardian.

# MG

## PENYATA TANGGUNGJAWAB MASTER GUARDIAN

- ◆ Menjadi penghubung antara HQ dan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing untuk menyampaikan dan memberi kefahaman serta memastikan segala polisi, aspirasi dan hala tuju yang ditetapkan oleh HQ bagi pembangunan Sistem Ejen Jualan mencapai sasaran secara berkesan dan bersistematik dengan berpegang kepada “Vision, Mission & Shared Values” rasmi syarikat.
- ◆ Wajib menghadiri sesi “Performance Dialogue” yang dianjurkan oleh HQ sekali setiap bulan dan memberikan laporan lengkap prestasi seluruh ejen jualan pasukan masing-masing dan laporan-laporan lain yang diminta oleh HQ.
- ◆ Memantau serta menyokong kerja-kerja rekrut dan pembangunan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh HQ.
- ◆ Mengadakan perjumpaan dengan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing yang aktif sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap bulan melalui medium perhubungan secara online atau offline bagi memantau dan mendapatkan laporan prestasi semasa.
- ◆ Menjalankan latihan keusahawanan sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap bulan untuk seluruh ejen jualan pasukan masing-masing samada melalui seminar, training atau coaching samada dengan menggunakan medium penyampaian secara online atau offline di bawah penyeliaan pihak HQ.
- ◆ Menyediakan laporan komprehensif setiap suku tahun dan selepas setiap lawatan atau perjumpaan bersama seluruh ejen jualan pasukan masing-masing yang aktif untuk diserahkan kepada HQ.

# SG

## PENYATA TANGGUNGJAWAB MASTER GUARDIAN

- ◆ Menjadi penghubung antara HQ & MG dan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing untuk menyampai dan memberi kefahaman serta memastikan segala polisi, aspirasi dan hala tuju yang ditetapkan oleh HQ bagi pembangunan Sistem Ejen Jualan mencapai sasaran secara berkesan dan bersistematik dengan berpegang kepada “Vision, Mission & Shared Values” rasmi syarikat.
- ◆ Wajib menghadiri sesi “Performance Dialogue” yang dianjurkan oleh HQ sekali setiap bulan dan memberikan laporan lengkap prestasi seluruh ejen jualan pasukan masing-masing dan laporan-laporan lain yang diminta oleh HQ.
- ◆ Memantau serta menyokong kerja-kerja rekrut dan pembangunan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh HQ.
- ◆ Mengadakan perjumpaan dengan seluruh ejen jualan pasukan masing-masing yang aktif sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap bulan melalui medium perhubungan secara online atau offline bagi memantau dan mendapatkan laporan prestasi semasa.
- ◆ Menjalankan latihan keusahawanan sekurang-kurangnya dua (2) kali setiap bulan untuk seluruh ejen jualan pasukan masing-masing samada melalui seminar, training atau coaching samada dengan menggunakan medium penyampaian secara online atau offline di bawah penyeliaan pihak HQ.
- ◆ Menyediakan laporan komprehensif setiap suku tahun dan selepas setiap lawatan atau perjumpaan bersama seluruh ejen jualan pasukan masing-masing yang aktif untuk diserahkan kepada HQ.



HAUS<sup>®</sup>  
COSMETICS  
*Confidence Is Perfection*

<http://www.hauscosmetics.com.my/>